



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
METRO TASEK GELUGOR

# Bagaimana Menjana

**Akaun Amanah  
Melalui Program Persijilan Profesional**

TS. KHAIRUL ANUAR BIN ISHAK  
TS. SITI SALAMAH BINTI MUSTAFFA  
AZIZAH BINTI SIRON  
NOR SHAZANA BINTI ABDUL RASHID

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan semula mana-mana bahagian isi kandungan Garis Panduan ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Politeknik METrO Tasek Gelugor, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia  
Garis Panduan Program Pensijilan Profesional  
Politeknik METrO Tasek Gelugor  
**eISBN 978-967-2744-10-8**

**Penasihat Pelan** : Ts. Khairul Anuar bin Ishak  
Ts. Siti Salamah binti Mustaffa

**Idea & Konsep** : Ts. Khairul Anuar bin Ishak  
Ts. Siti Salamah binti Mustaffa  
Azizah binti Siron

**Editor & Rekabentuk** : Azizah binti Siron  
Nor Shazana binti Abdul Rashid

**Kandungan** : Ts. Khairul Anuar bin Ishak  
Nor Shazana binti Abdul Rashid  
Ts. Siti Salamah binti Mustaffa

**Semakan Kandungan** : Suhaila binti Sarif

Diterbitkan Oleh :

**Politeknik METrO Tasek Gelugor**

No. 25, Jalan Komersial 2

Pusat Komersial Tasek Gelugor

13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang

Tel : 04-573 2789 Fak : 04-573 2087

Web : [www.pmtg.edu.my](http://www.pmtg.edu.my)

# ISI KANDUNGAN

1

Latar Belakang  
Persijilan Profesional

3

2

Dana Pembangunan Sumber Manusia  
(HRD Corp)

8

3

Tatacara Akaun Amanah Politeknik

14

4

Peranan dan Tanggungjawab

19

5

Proses Kerja Pelaksanaan Program

25

6

Persijilan dan Konvokesyen

27

7

Kesimpulan

38



# Latar Belakang Pensijilan Profesional

**P**oliteknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) merupakan sebuah institusi pengajian tinggi awam di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang berfungsi sebagai penyedia latihan teknikal kepada lepasan SPM dan komuniti setempat yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat tertier.

Dengan slogan "*Maximizing education and training opportunities*", PMTG giat mempromosikan program pensijilan profesional untuk membantu pekerja setempat meningkatkan sosioekonomi masing-masing.

## PENGENALAN KEPADA POLITEKNIK METRO

Politeknik METrO merupakan sebuah institusi pendidikan dan latihan bagi memenuhi keperluan sosio ekonomi tempatan dan wilayah (*local and regional socio-economic needs*) dalam bidang tertentu terutamanya bagi keperluan sektor perkhidmatan (*service industries*) yang semakin meningkat, sama ada pada peringkat industri kecil dan sederhana (IKS) mahupun syarikat multi-nasional.

Penubuhan Politeknik METrO adalah seiring dengan agenda transformasi negara iaitu meningkatkan daya saing melalui pembangunan ekonomi berpendapatan tinggi terutamanya dalam aspek menjana modal insan yang serba boleh dan mampu berubah dalam persekitaran pasaran kerja yang dinamik. Sasaran pelajarannya ialah lepasan SPM dan golongan pekerja (*working adults*) yang memerlukan upskilling dan reskilling. Pembelajaran di Politeknik METrO akan mengutamakan kaedah *Work Based Learning* (WBL) dan *Blended Learning* (Pembelajaran Teradun) yang akan menjurus ke arah *Open Distance Learning* (ODL) dalam kerangka e-pembelajaran.

Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) diwujudkan pada 8 Oktober 2012. Mula beroperasi di kampus sementara di Politeknik Seberang Perai, Jalan Permatang Pauh, Pulau Pinang. Pada tanggal 23 November 2015 merupakan tarikh bersejarah bagi warga PMTG serta Politeknik Malaysia di mana PMTG telah berpindah ke premis baharu iaitu di Pusat Komersial Tasek Gelugor, Tasek Gelugor, Pulau Pinang.

PMTG ialah Politeknik METrO yang ke lima (5) ditubuhkan seiring dengan agenda transformasi negara iaitu

“ PMTG mula beroperasi pada 8hb. Oktober 2012 di kampus Politeknik Seberang Perai ”





“ meningkatkan daya saing melalui pembangunan ekonomi berpendapatan tinggi ”

meningkatkan daya saing melalui pembangunan ekonomi berpendapatan tinggi terutamanya dalam aspek menjana modal insan yang serba boleh dan mampu berubah dalam persekitaran pasaran kerja yang dinamik.

Semua Politeknik METrO hanya menawarkan dua program pengajian sepenuh masa. PMTG menawarkan program pengajian Diploma Teknologi Maklumat dan Diploma Pengajian Video dan Filem. Di samping itu, PMTG juga bakal menawarkan kursus-kursus terlanggan dan kursus pendek di bawah Program Pengajian Sepanjang Hayat (PSH) berdasarkan keperluan masyarakat setempat.



## CIRI-CIRI POLITEKNIK METRO



# M E T R O

## Maximising Education & Training Opportunities

### CIRI-CIRI PROGRAM

- Mempunyai nilai pasaran tinggi
- Cenderung kepada bidang pekerjaan yang menggunakan hemisfera otak kanan (right brain)
- Mematuhi kompetensi profesional / industri melalui pensijilan / pengijazahan
- Mendapat akreditasi MQA
- Penyampaian program yang fleksibel mengikut kemampuan pelajar



### KONSEP POLITEKNIK METRO

Merupakan sebuah institusi pendidikan dan latihan bagi memenuhi keperluan sosio ekonomi tempatan dan wilayah dalam bidang industri yang berorientasikan perkhidmatan



Berkonsepkan boutique (differentiation that brings specialization in the creation of new courses and programmes)



Responsif kepada keperluan industri dan program boleh berubah mengikut keperluan semasa



## BIDANG PENGAJIAN YANG DITAWARKAN

### DIPLOMA TEKNOLOGI DIGITAL (DDT)



Program pengajian Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) ini menyediakan pendidikan dan latihan di dalam bidang Pengkomputeran dengan penekanan khusus pada bidang Teknologi Maklumat. Kursus-kursus yang ditawarkan dikelompokkan kepada modul seperti *Platform Technologies*, *Computing Foundation*, *Programming Essentials*, *Industry-Led modules* dan *Industry Domain Cluster* yang merujuk kepada tugas tertentu.

Kursus-kursus yang ditawarkan memberi peluang kepada para pelajar untuk mencapai pelbagai kerjaya dalam pelbagai sektor ICT.

### DIPLOMA PENGAJIAN VIDEO & FILEM (DDV)



Program Diploma Pengajian Video & Filem ini direkabentuk bagi menyediakan pelajar dalam pengetahuan kreatif dan kemahiran dalam produksi video & filem selari dengan keperluan industri dalam bidang hiburan, multimedia, infotainment dan didik hibur (edutainment).

Program ini juga memfokuskan kepada aplikasi teknikal bagi audio dan video, disamping menerapkan kandungan teori-teori asas dan bahasa perfileman. Pembelajaran dan kajian terhadap lagenda tempatan dan warisan budaya turut ditekankan dalam projek pelajar.

### PROGRAM PENSIJILAN PROFESIONAL PERINGKAT SIJIL & DIPLOMA



Politeknik METrO Tasek Gelugor telah mendokong Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pengajian Tinggi) (PPPM PT) dalam pelaksanaan program pensijilan profesional ini dengan mengambil konsep mobiliti pensyarah dalam proses perkongsian ilmu terutama dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan kepada industri. Pensyarah-pensyarah digabungkan dari Universiti dan Politeknik di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia bagi Menjayakan program ini.

Struktur program yang ditawarkan adalah gabungan permintaan daripada industri dan pengalaman pensyarah pakar yang terlibat.



# Dana Pembangunan Sumber Manusia (HRD Corp)

**D**ana Pembangunan Sumber Manusia merupakan pusat pengetahuan yang bertujuan untuk menyokong pembelajaran dan pembangunan tenaga kerja Malaysia yang merupakan pemacu utama untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Perbandanan Sumber Manusia Berhad (PSMB) mula ditubuhkan sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) dan ditadbir oleh Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 di bawah Kementerian Sumber Manusia. Oleh yang demikian, PSMB telah bekerjasama dengan industri, majikan berdaftar, penyedia latihan dan SME bagi meningkatkan kemahiran tenaga kerja dan pelatih tempatan dalam era ekonomi digital kini.

Selaras dengan itu, kerajaan telah memulakan beberapa program di bawah Rancangan Malaysia ke-11 untuk mempercepatkan pembangunan modal insan melalui empat bidang utama iaitu:

“ Meningkatkan kecekapan pasaran buruh untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi; ”

“ Menaik taraf pendidikan teknikal dan vokasional untuk memenuhi permintaan industri; ”

“ Memperkukuhkan pembelajaran sepanjang hayat untuk meningkatkan kemahiran; dan ”

“ Meningkatkan kualiti sistem pendidikan untuk mencapai hasil pelajar yang lebih baik dan kecemerlangan institusi. ”

Selari dengan tema “Memperkukuh Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk Peningkatan Kemahiran”, HRDF diberi mandat untuk memastikan pertumbuhan tenaga kerja tempatan yang berkualiti melalui program dan inisiatif latihan pensijilan yang berkemahiran tinggi yang cekap. Ini, sebagai balasannya, dijangka menyumbang kepada penciptaan tenaga kerja Malaysia yang berkemahiran tinggi sebanyak 35 peratus dan 1.5 juta pekerjaan pada tahun 2020.

Di samping itu, kami terus menggalakkan majikan berdaftar kami yang dilindungi di bawah Akta PSMB, 2001 untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja, pelatih dan pelatih tempatan mereka untuk memacu perniagaan dan operasi operasi masing-masing.

Dengan 19 subsektor baru yang ditambah kepada Akta PSMB, 2001 (sebagai tambahan kepada 44 subsektor) PSMB telah mengambil tanggungjawab yang lebih besar untuk menjangkau korporat melalui proses mendidik dan memotivasi untuk mencari faedah dan nilai skim pembelajaran dan pembangunan, inisiatif dan program yang ditawarkan dalam HRDF.



# VISI

Menjadi kuasa pembangunan modal insan dalam mengukuhkan pembangunan ekonomi Malaysia

## SEKTOR AKTA PSMB 2001



PEMBUATAN



PERKHIDMATAN



PERLOMBONGAN  
& KUARI



## MISI

Menerajui pembelajaran dan pembangunan modal insan melalui campur tangan strategik yang memenuhi keperluan semasa dan masa depan industri



## PROSES PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN KEPERLUAN PENDAFTARAN



## PROSES PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN KEPERLUAN PENDAFTARAN



## PROSES PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN CARTA ALIR PROSES



KELAYAKAN TUNTUTAN	PREMIS MAJIKAN	PREMIS LUAR	KEPERLUAN TUNTUTAN
<p><b>Yuran Kursus</b></p> <p>Max RM5,000 per hari (kemahiran insaniah)  Max RM6,000 per hari (program teknikal &amp; perkomputeran tahap tinggi)  Peserta &lt;5 orang : tuntutan akan diselaraskan</p>	✓	✓	Resit
<p><b>Elaun Makan Peserta &amp; Penceramah</b></p> <p>Max RM50 per peserta per hari  Sesi latihan MESTILAH psekurang-kurangnya 4 jam</p>	✓	✗	Tiada dokumen sokongan diperlukan)
<p><b>Elaun Harian (peserta dari cawangan dan penceramah)</b></p> <p>&lt; 70km = Max RM150  &gt; 70km = Max RM400</p>	✓	✓	Tiada dokumen sokongan diperlukan)
<p><b>Sewaan tempat latihan / Pakej hotel (termasuk makan) untuk peserta &amp; penceramah</b></p> <p>Rujuk kadar elaun harian</p>	✗	✓	Tiada dokumen sokongan diperlukan)
<p><b>Pengangkutan</b></p> <p>Rujuk sebut harga Penyedia Latihan</p>	✗	✓	Tiada dokumen sokongan diperlukan)
<p><b>Bahan Latihan Pakai Habis</b></p> <p>Jika jumlah harga &lt;RM100, tidak perlu sediakan pecahan item bagi bahan latihan</p>	✓	✓	Tiada dokumen sokongan diperlukan)



## Human Resources Development Corporation (HRD Corp).

Agensi itu sebelum ini dikenali sebagai Human Resources Development Fund (HRDF), di bawah kementerian yang berfungsi untuk mengumpul kutipan levi daripada majikan berdaftar dan mengeluarkan geran latihan untuk program latihan serta peningkatan kemahiran pekerja.

PMTG telah memohon sijil sebagai penyedia latihan atau 'Training Provider Registration Certificate'. Sijil ini sah digunakan dalam tempoh 2 (dua) tahun.

Serial No.: PT32



**TRAINING PROVIDER REGISTRATION CERTIFICATE**  
AKTA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD, 2001

**POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR**

*is hereby registered as a training provider under*  
**PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD**

APPROVAL DATE	EXPIRY DATE
13/04/2023	12/05/2024

This approval is subject to the current terms and conditions of  
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

13/04/2023  
Release Date



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD

**DELIVERING QUALITY, DEVELOPING EXCELLENCE**



# Tatacara Akaun Amanah Politeknik

**A**kaun Amanah Politeknik adalah suatu akaun amanah yang ditubuhkan dalam Akaun Amanah Disatukan di bawah subseksyen 9(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] untuk mengakaunkan caruman wang daripada badan-badan dan / atau orang persendirian yang diamanahkan oleh Kerajaan.

# AKAUN AMANAH POLITEKNIK

## TUJUAN AKAUN

Akaun Amanah Politeknik ditubuhkan dengan tujuan untuk mengendalikan penerimaan dan pembiayaan yang berkaitan dengan segala latihan, perundingan, perkhidmatan, penyelidikan, inovasi, keusahawanan dan kursus / program yang dijalankan di Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia, bagi pihak swasta, agensi kerajaan, pertubuhan atau orang perseorangan di bawah kelolaan Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia.

## FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA AKAUN

- 3.1 Memutuskan dasar dan tatacara berhubung dengan penerimaan dan penggunaan wang di dalam Akaun selaras dengan tujuan penubuhan Akaun.
- 3.2 Menentukan semua laporan dan penyata berhubung dengan Akaun disediakan dan dikemukakan sebagaimana yang ditetapkan dalam Arahan Akaun Amanah di bawah seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling berkaitan.
- 3.3 Meluluskan Anggaran Perbelanjaan Tahunan Akaun dan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Akaun.

“

Akaun Amanah Politeknik adalah suatu akaun amanah yang ditubuhkan dalam Akaun Amanah Disatukan di bawah subseksyen 9(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]

”

- 3.4 Memastikan bahawa Akaun berbaki kredit dan tidak terlebih dikeluarkan semasa meluluskan Anggaran Perbelanjaan Akaun; dan
- 3.5 Menentukan amaun untuk dilaburkan dalam akaun simpanan tetap yang ditadbirkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).



## SUMBER TERIMAAN AKAUN AMANAH POLITEKNIK

Merujuk *Trust Deed* di bawah tajuk Sumber Kewangan dan Penggunaan Wang Dalam Akaun, akaun ini hendaklah dikreditkan dengan wang dari sumber-sumber berikut :

- 13.1 Hasil khidmat perundingan, hasil penyelidikan pengeluaran dan pengkomersialan produk, inovasi, perlesenan, harta intelek dan royalti Politeknik;
- 13.2 Yuran atau bayaran selain daripada program-program sepenuh masa yang pembiayaannya daripada Akaun ini;
- 13.3 Wang sumbangan / tajaan daripada orang ramai, sektor swasta, persatuan, institusi tempatan dan antarabangsa yang tidak dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia;
- 13.4 Hasil iklan daripada apa-apa medium yang bersesuaian yang pembiayaannya daripada Akaun ini;
- 13.5 Hasil jualan penerbitan yang pembiayaannya daripada Akaun ini;
- 13.6 Hasil bayaran sewa dan utiliti yang menggunakan inventori Akaun ini;
- 13.7 Jualan barang terbuang dan barang-barang yang diluluskan untuk pelupusan yang pembiayaannya adalah daripada Akaun ini;
- 13.8 Baki daripada Akaun lama; dan

- 13.9 Faedah daripada pelaburan simpanan tetap yang diuruskan oleh JANM.

## CARTA ALIRAN KERJA TERIMAAN AKAUN AMANAH




## PENGUNAAN WANG AKAUN AMANAH POLITEKNIK

Merujuk *Trust Deed* di bawah tajuk Sumber Kewangan dan Penggunaan Wang Dalam Akaun, wang dalam akaun ini hendaklah digunakan bagi tujuan berikut :

- 14.1 Honarorium / elaun bagi penyelia dan kakitangan, elaun syarahan tenaga pengajar / pensyarah jemputan, penyelidik dan saguhati kepada pencipta inovasi yang merujuk kepada tujuan Akaun ini sebagaimana diputuskan oleh Jawatankuasa Akaun mengikut kadar yang berkuatkuasa atau kadar yang diluluskan oleh Perbendaharaan;
- 14.2 Pembelian bahan-bahan latihan, cenderahati, peralatan / alat ganti kelengkapan serta kemudahan fizikal yang berkaitan dengan Akaun ini;
- 14.3 Bekalan makanan dan minuman bagi aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan tujuan Akaun ini;
- 14.4 Pembayaran penyelenggaraan / baik pulih peralatan di makmal / bengkel / asrama / dan kemudahan fizikal yang berkaitan dengan tujuan Akaun ini;
- 14.5 Pembayaran percetakan dan pengiklanan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan tujuan Akaun ini;
- 14.6 Pembelian insurans perlindungan berkaitan aktiviti yang berkaitan dengan tujuan Akaun ini;
- 14.7 Bayaran tuntutan elaun perjalanan bagi aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan tujuan Akaun ini mengikut Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan;
- 14.8 Bayaran yuran penyertaan / pendaftaran / pembentangan / penerbitan peningkatan kemahiran tenaga pengajar dan pelajar di dalam dan luar negara bagi menjayakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan tujuan Akaun ini;
- 14.9 Perbelanjaan secara langsung (*direct expenditure*) bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan tujuan Akaun dan diluluskan oleh Jawatankuasa Akaun;
- 14.10 Bayaran perkhidmatan kepada individu, agensi luar, persatuan, pertubuhan, institusi tempatan atau antarabangsa yang berkaitan dengan tujuan Akaun ini sebagaimana diputuskan oleh Jawatankuasa Akaun mengikut kadar yang berkuatkuasa atau kadar yang diluluskan oleh Perbendaharaan;
- 14.11 Bayaran upah kakitangan sambilan / sementara yang berkaitan dengan tujuan Akaun ini sebagaimana diputuskan oleh Jawatankuasa Akaun mengikut kadar yang berkuatkuasa atau kadar yang diluluskan oleh Perbendaharaan;
- 14.12 Bayaran sewaan bangunan, ruang, peralatan, kemudahan, alat ganti kelengkapan dan apa-apa keperluan serta kemudahan fizikal yang berkaitan dengan tujuan Akaun ini sebagaimana diputuskan oleh Jawatankuasa Akaun mengikut kadar yang berkuatkuasa atau kadar yang diluluskan oleh Perbendaharaan; dan

14.13 Pelaburan dalam simpanan tetap yang ditadbir oleh JANM.

## CARTA ALIRAN KERJA TERIMAAN AKAUN AMANAH



# Peranan dan Tanggungjawab

Program pensijilan profesional direkabentuk dengan tujuan untuk menghasilkan pekerja yang mempunyai pengetahuan dan berkemahiran. Pembelajaran berasaskan bidang kerja yang sebenar memberikan banyak kelebihan kepada syarikat, majikan dan komuniti.



## CARTA ORGANISASI PELAKSANA PROGRAM PENSIJILAN PROFESIONAL



“

36 Politeknik dan  
95 Kolej Komuniti  
bernaung di bawah  
JPPKK

## JPPKK PERANAN & TANGGUNGJAWAB

Pada tahun 2004 semasa pembentukan KPT, Politeknik dan kolej komuniti berada di bawah tanggungjawab Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). JPPKK bertanggungjawab menetapkan hala tuju pengajian di politeknik dan kolej komuniti selaras dengan perkembangan teknologi dan pekerjaan di industri. Objektif utama JPPKK adalah menyediakan pendidikan dan latihan di peringkat separa profesional yang berkualiti dan bertaraf dunia bagi memenuhi keperluan pembangunan modal insan negara melalui tadbir urus yang mantap.

Kementerian Pengajian Tinggi juga telah diamanahkan sebagai urus setia Majlis Pembelajaran Sepanjang Hayat Negara dan ahlijawatankuasa majlis Penasihat Kebangsaan bagi Pendidikan dan Latihan. Justeru, kolej komuniti diberi tanggungjawab sebagai hub Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pada 16 september 2009 , JPPKK telah distrukturkan semula kepada Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) dan Jabatan

Pengajian Kolej Komuniti (JPPKK) bertujuan untuk memberi fokus kepada pencapaian misi dan visi politeknik dan kolej komuniti. Tenaga pengajar di kedua-dua institusi ini kekal di bawah skim perkhidmatan PPPT manakala ketua perkhidmatan bagi skim tersebut ialah Ketua Pengarah JPP. Sehingga tahun 2017, JPP mengawal selia 36 Politeknik manakala JPPKK mengawal selia 94 kolej Komuniti dengan perkongsian sumber akademik sejumlah 10,933 orang dan 4,157 tenaga kerja bukan akademik.

”

# Plant 5



## TIMBALAN PENGARAH PERANAN & TANGGUNGJAWAB

Pegawai bertanggungjawab melaksanakan tugas pengurusan dan pentadbiran serta menyumbang kepada kecemerlangan pengurusan akademik dan sokongan akademik.

Skop tugas utama:

- i. Pengurusan pembelajaran dan pengajaran.
- ii. Pengurusan penyelidikan, inovasi, pengkomersialan dan khidmat nasihat.
- iii. Pengurusan organisasi.
- iv. Pengurusan jaringan dan kolaborasi, keusahawanan kesukarelawan dan kemasyarakatan.
- v. Pengurusan sumber.
- vi. Pengurusan dan pelaksanaan dasar Pengurusan organisasi
- vii. Pengurusan penyelidikan, inovasi, pengkomersialan dan khidmat nasihat.
- viii. Pengurusan organisasi berperanan sebagai agen perubahan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan organisasi institusi dan pengurusan pembangunan kerjaya sumber manusia secara optimum

## KETUA JABATAN PERANAN & TANGGUNGJAWAB

Pegawai melaksanakan tugas dan tanggungjawab pengurusan dan pentadbiran serta menyumbang kepada kecemerlangan pengurusan pembelajaran dan pengajaran.

Skop tugas utama:

- i. Pengurusan pembelajaran dan pengajaran.
- ii. Pengurusan penyelidikan, inovasi, pengkomersialan dan khidmat nasihat.
- iii. Pengurusan organisasi, jaringan dan kolaborasi.
- iv. Pengurusan sumber manusia



## KETUA CISEC PERANAN & TANGGUNGJAWAB

Skop tugas utama:

- i. Memudahkan jaringan dan kolaborasi di antara Politeknik dengan Industri.
- ii. Menyediakan perkhidmatan dan maklumbalas terhadap keperluan industri terutama yang melibatkan kolaborasi dan penempatan kerja graduan.
- iii. Meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan kerja graduan politeknik.
- iv. Meningkatkan kadar bekerja graduan politeknik.
- v. Menyediakan khidmat penasihatn kerjaya, perancangan dan persediaan graduan ke alam pekerjaan.

## KETUA ULPL PERANAN & TANGGUNGJAWAB

Skop tugas utama:

- i. Merancang, mengelola dan melaksanakan latihan bagi staf akademik dan bukan akademik bagi memastikan pembangunan kompetensi kecemerlangan dan pembelajaran berterusan staf dapat dipertingkatkan dengan lebih berkesan dan memenuhi standard yang ditetapkan.
- ii. Menyelaras program TSP (Time Sector Privatisation) bagi sektor awam dan swasta.
- iii. Juga menyelaras program sangkutan industri pensyarah (SIP)



## PENYELARAS PROGRAM PERANAN & TANGGUNGJAWAB



## URUSETIA PROGRAM PERANAN & TANGGUNGJAWAB



### PENYELARAS PROGRAM

Menyediakan kertas cadangan program

Menguruskan hal kewangan program seperti anggaran bajet, sebut harga dan invois, dan pembelian barangan berkaitan program

Menguruskan keperluan penceramah bermula dari pemilihan pensyarah, penyediaan surat lantikan dan memudahcara urusan tuntutan elaun dan tnt penceramah

Menyediakan surat lantikan urusetia



### URUSETIA PROGRAM

Menyedia dan menguruskan bahan PdP program

Mencetak item penilaian bagi modul yang ditugaskan

Menyedia dan mengedarkan borang kehadiran dan borang pasca latihan


Bertugas semasa modul dijalankan

Membantu penceramah sepanjang sesi PdP dijalankan



# Proses Kerja Pelaksanaan Program

# 5



## Pensijilan dan Konvokesyen

Penganugerahan sijil atau diploma profesional diberikan kepada peserta yang telah berjaya memenuhi keperluan program. Penilaian yang dijalankan bagi setiap modul adalah suatu cara untuk mengetahui kemajuan, kebolehan akademik atau praktis peserta sepanjang tempoh pelaksanaan program tersebut





## KAEDAH PENILAIAN SISTEM NILAIAN MATA

Sistem penilaian yang diguna pakai dalam Program Pensijilan Profesional ini adalah merujuk kepada Arahan-Arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian, Bahagian Peperiksaan dan Penilaian, JPPKK. Sistem ini adalah berdasarkan kaedah penilaian kuantitatif prestasi pelajar di dalam program yang dikenali sebagai Sistem Nilai Mata (SNM).

Mengikut SNM, prestasi peserta bagi sesuatu modul adalah berdasarkan kepada Sistem Gred yang mana pencapaian pelajar dinilai menggunakan ukuran Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) atau *Cummulative Grade Point Average (CGPA)*.

$$\text{HPNM} = \frac{\text{Jumlah Mata Kredit yang diperolehi bagi semua modul program}}{\text{Jumlah Kredit yang terkumpul dalam program}}$$

## KAEDAH PENILAIAN SISTEM GRED

Markah yang diperolehi oleh peserta di dalam sesuatu modul akan diberi nilai mata dan gred mengikut kumpulan berikut :

Markah	Nilai Mata	Gred	Status
90 - 100	4.00	A+	Sangat Cemerlang
80 - 89	4.00	A	Cemerlang
75 - 79	3.67	A-	Kepujian
70 - 74	3.33	B+	Kepujian
65 - 69	3.00	B	Kepujian
60 - 64	2.67	B-	Lulus
55 - 59	2.33	C+	Lulus
50 - 54	2.00	C	Lulus
47 - 49	1.67	C-	Lulus
44 - 46	1.33	D+	Lulus
40 - 43	1.00	D	Lulus
30 - 39	0.67	E	Gagal
20 - 29	0.33	E-	Gagal
0 - 19	0.00	F	Gagal

## PENGANUGERAHAN SIJIL / DIPLOMA PROFESIONAL POLITEKNIK

Peserta dianggap telah menamatkan pengajian dan layak dianugerahkan Sijil / Diploma Profesional bagi sesuatu program yang ditetapkan sekiranya telah memenuhi kriteria berikut:

- 6.1 Lulus semua modul yang ditetapkan bagi program berkenaan;
- 6.2 Mendapat HPNM bersamaan atau lebih daripada 2.00; dan
- 6.3 Memperolehi sepenuhnya jumlah kredit yang ditetapkan bagi sesuatu program.

## PENGANUGERAHAN SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK

Sijil dan transkrip akademik diberikan kepada peserta setelah tamat sesuatu program pengajian dan disahkan oleh Pengarah Politeknik Malaysia.

Jika program pensijilan profesional ini merupakan program latihan dalaman (in-house training), sijil ini akan disahkan oleh Pengarah Politeknik Malaysia dan Pengarah Urusan industri yang terlibat.

Penganugerahan sijil / diploma profesional ini adalah diperakui hanya oleh Politeknik yang menjalankan program dan industri yang terlibat secara langsung dalam program tersebut.



### ACADEMIC TRANSCRIPT

NAME : YU SHEN SOH  
ID NUMBER : 971018-35-5427  
PROGRAM : PROFESSIONAL DIPLOMA IN DEBUG ENGINEERING

CODE	MODULE NAME	GRADE	STATUS	NOTE
PDIDE001	INTRODUCTION TO PCB AND PCBA	4.00	A	
PDIDE002	PCB DESIGN AND MANUFACTURING FLOW	4.00	A+	
PDIDE003	CIRCUIT THEORY	4.00	A+	
PDIDE004	TESTING METHOD AND PROCEDURE	4.00	A+	
PDIDE005	ICT : ECO-SYSTEM / ICT FRAMEWORK AND CONCEPT	3.67	A-	
PDIDE006	ICT : FLOW, TECHNIQUE AND EXECUTION	3.00	B	
PDIDE007	ICT : FAILURES AND DEFECT	3.00	B	
PDIDE008	ICT : CASE STUDIES	4.00	A+	
PDIDE009	FT : ELECTRONICS, MECHANICAL AND ICS COMPONENTS	3.67	A-	
PDIDE010	FT : POWER AND SIGNAL BLOCK OF CIRCUIT SCHEMATIC DIAGRAM	3.67	A-	
PDIDE011	FT : FAILURES AND DEFECT	3.67	A-	
PDIDE012	FT : CASE STUDIES	4.00	A	

CGPA : 4.00


THE ABOVE-MENTIONED STUDENT HAVING SUCCESSFULLY FULFILLED ALL PROGRAM REQUIREMENTS TO BE AWARDED **PROFESSIONAL DIPLOMA IN DEBUG ENGINEERING** ASSENT BY POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR.

CERTIFIED BY,

(Ts. **KHAIRUL ANUAR BIN ISHAK**)  
DIRECTOR  
POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR  
MALAYSIA

DATE: 05/05/2023

Contoh Transkrip Akademik Program Pensijilan  
Profesional





## MODEL PERNIAGAAN / BUSINESS MODEL

### POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR

Bersesuaian dengan matlamat penubuhan Politeknik METRO, model perniagaan ini membentuk satu jaringan kolaborasi antara industri, Universiti Awam, Institut Pengajian Tinggi dan Politeknik Malaysia dalam menyediakan latihan teknikal Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH).

Model ini diadaptasi dari Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025 (PPMPT) ke arah pemantapan pendidikan tinggi dalam bidang teknikal dan vokasional. PPMPT dibangunkan secara kolaboratif dan perundingan yang dipandu oleh pemimpin akademik Malaysia dan antarabangsa, komuniti, industri, ibu bapa dan orang awam.

PPMPT menggariskan 10 Lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. Untuk memetakan 10 Lonjakan ini, Model Perniagaan Politeknik METRO Tasek Gelugor memfokuskan kepada 6 Lonjakan yang terlibat iaitu :

- Lonjakan 2** - Kecemerlangan Bakat
- Lonjakan 3** - Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat
- Lonjakan 4** - Graduan TVET berkualiti
- Lonjakan 5** - Kemampuan Kewangan
- Lonjakan 6** - Pemantapan Tadbir Urus
- Lonjakan 10** - Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi



## IMPLIKASI PELAKSANAAN MODEL PERNIAGAAN PMTG

Peluang perkongsian ilmu yang merangkumi data, maklumat, pengetahuan, sumber, fasiliti dan kepakaran yang berkaitan dengan bidang pengurusan dan pendidikan.

Memberi pendedahan kepada pensyarah dan peserta untuk mendapatkan maklumat terkini berkaitan bidang yang difokuskan.

Peluang pelaksanaan program untuk manfaat peserta dalam meningkatkan kemahiran komunikasi, kualiti kepimpinan dan motivasi sendiri.

Peluang kolaborasi dalam menganjurkan bengkel, seminar, persidangan dan penyelidikan di antara Politeknik dan pihak industri.

## PROSES KERJA PROGRAM PENSIJILAN PROFESIONAL

Model ADDIE digunakan sebagai panduan dalam melaksanakan proses kerja Program Pensijilan Profesional. Terdapat lima fasa yang terlibat iaitu analisis, rekabentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian.

Model ini merupakan sebuah proses generik yang digunakan oleh pembangun program dan penyedia latihan untuk menghasilkan struktur latihan yang efektif dan dokumen sokongan yang mantap. Antara sebab model ini diterima umum adalah kerana penerapan penggunaan prototaip yang dapat menerima maklum balas dan keputusan yang berterusan semasa bahan-bahan pengajaran sedang dibangunkan. Model ini dapat menjimatkan masa dan kos kerana masalah dapat dikenalpasti di peringkat awal lagi.




Fasa-Fasa dalam Model ADDIE





## FASA PERTAMA ANALISIS / ANALYSIS


Dalam fasa analisis, pernyataan masalah akan dijelaskan bersama-sama dengan pernyataan matlamat, objektif dan persekitaran pembelajaran yang ingin dicapai oleh industri. Hal ini seiring dengan kemahiran dan pengalaman terdahulu daripada peserta yang akan mengikuti latihan yang dirancang. Proses kerja bagi fasa pertama ini adalah seperti berikut :





## FASA KEDUA REKABENTUK / DESIGN

Fasa rekabentuk melibatkan objektif pembelajaran, instrumen penilaian, latihan, nota, sesi praktikal, rancangan pengajaran dan pemilihan media. Dalam fasa ini, semua perancangan haruslah sistematik dan tersusun. Antara langkah-langkah yang dijalankan oleh Politeknik METrO Tasek Gelugor adalah seperti berikut:



## FASA KETIGA PEMBANGUNAN / DEVELOPMENT

Sesi *pitching* / *trial run* / *pilot test* akan diadakan dalam fasa ini bagi mengenalpasti kesesuaian dan fokus latihan yang dirancang. Penglibatan daripada pakar bidang industri (*Subject Matter Expert*) dan pensyarah yang dilantik adalah perlu agar matlamat dan objektif latihan tercapai. Fasa ini amat penting bagi memastikan semua keperluan dan kehendak industri dipenuhi dan sesi latihan dapat berjalan dengan lancar.



Sesi perbincangan yang berlangsung bersama SME



## FASA KEEMPAT PELAKSANAAN / IMPLEMENTATION

Semasa fasa pelaksanaan, Pensyarah modul akan mengajar mengikut jadual latihan yang telah ditetapkan. Latihan ini melibatkan penerangan tentang struktur modul, hasil pembelajaran, kaedah penyampaian dan penilaian disamping penyampaian kandungan modul samada dari segi teori ataupun amali.




## FASA KELIMA PENILAIAN / EVALUATION

Penilaian yang dilaksanakan terdiri daripada dua jenis; iaitu a) Penilaian modul; dan b) Penilaian Keberkesanan Latihan (Pasca Latihan).

Penilaian modul bertujuan untuk menilai sejauh mana kefahaman yang diperolehi oleh setiap peserta dalam program tersebut.

Manakala penilaian keberkesanan latihan ditadbir untuk menilai kesesuaian tempat latihan, kandungan modul, keberkesanan penyampaian penceramah dan pelaksanaan keseluruhan program.

Hasil penilaian ini akan dibentangkan kepada pihak pengurusan industri bagi tujuan penambahbaikan.





**P**elaksanaan Program Pensijilan Profesional merupakan suatu transformasi sistem pendidikan tinggi yang memberi manfaat dan hak secara kolektif serta memberi peranan yang bersesuaian kepada setiap pihak berkepentingan

## KESIMPULAN

### PROGRAM PENSIJILAN PROFESIONAL

Program Pensijilan Profesional ini diharap dapat mencapai objektifnya iaitu meningkatkan kebolehpasaran dan kualiti peserta program dengan meningkatkan kemahiran mereka melalui program yang lebih terarah dan dirancang untuk mendapatkan kecekapan dalam bidang tujuhan masing-masing.

Industri juga diharap mendapat faedah dari Program Pensijilan Profesional yang dijalankan ini. Adalah diharapkan bahawa pengetahuan dalam bidang yang diceburi akan membolehkan para peserta menyumbang ke arah meningkatkan kualiti produk yang dihasilkan sekaligus meningkatkan produktiviti syarikat.

Di samping itu, program ini adalah pilihan pensijilan pantas dan menyediakan laluan pendidikan yang jelas kepada kakitangan syarikat. Program ini dijangka menjadi titik permulaan bagi mereka untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi bagi meningkatkan sosioekonomi mereka. Ia merupakan salah satu platform nilai tambah yang boleh digunakan untuk mempromosikan dan memotivasi diri peserta program.


Bagi Politeknik METrO Tasek Gelugor, pelaksanaan pengurusan program ke arah 10 Lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi) membantu melonjakkan prestasi melalui Key Performance Index (KPI) dari segi kolaborasi aktif industri dan penyertaan peserta Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH).

“  
Menjadi institusi  
TVET premier yang  
diterajui industri  
”



# Pencapaian Akaun Amanah PMTG:

## PENJANAAN AKAUN AMANAH PMTG



# CARTA ALIR PROSES KERJA PSH @PMTG



## Senarai Program Persijilan Professional yang telah dilaksanakan di PMTG

1. PROFESSIONAL DIPLOMA IN AEROSPACE COMPOSITE MACHINING (DPACM)
2. PROFESSIONAL DIPLOMA IN AEROSPACE COMPOSITE MANUFACTURING (DPACM)
3. PROFESSIONAL DIPLOMA IN AEROSPACE MACHINING (DPACM)
4. PROFESSIONAL DIPLOMA IN AEROSPACE MANUFACTURING DPIAM)
5. PROFESSIONAL CERTIFICATE IN EQUIPMENT OPERATION (PCIEO)
6. PROFESSIONAL DIPLOMA IN DEBUG ENGINEERING (PDIDE)
7. PROFESSIONAL DIPLOMA IN MANUFACTURING ENGINEERING (PDIME)
8. PROFESSIONAL CERTIFICATE IN MANUFACTURING AUTOMATION (PCIMA)
9. PROFESSIONAL CERTIFICATE IN VIDEO PRODUCTION (PCIVP)
10. PROFESSIONAL CERTIFICATE IN MANUFACTURING OPERATION (PCIMO)
11. PROFESSIONAL DIPLOMA IN PLASTIC INJECTION MOULDING ENGINEERING (PDPIME)
12. PROFESSIONAL DIPLOMA IN INDUSTRIAL MANUFACTURING (PDIIM)
13. PROFESSIONAL DIPLOMA IN PRODUCTION ENGINEERING & MANAGEMENT OPERATION (PDPEMO)
14. PROFESSIONAL DIPLOMA IN PRODUCTION ENGINEERING & MANUFACTURING (PDPEMO)
15. PROFESSIONAL DIPLOMA IN DEBUG & MANUFACTURING ENGINEERING (PDIDME)
16. PROFESSIONAL CERTIFICATE IN IMAGING INSPECTION & MANUFACTURING (PCIIM)
17. PROFESSIONAL DIPLOMA IN SURFACE MOUNT TECHNOLOGY (PDISMT)





# Kami Sedia memberi Konsultasi

**HUBUNGI KAMI:**

**@pmtg.edu.my**

Diterbitkan Oleh :

**Politeknik METRO Tasek Gelugor**

No. 25, Jalan Komersial 2

Pusat Komersial Tasek Gelugor

13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang

Tel : 04-573 2789 Fak : 04-573 2087

Web : [www.pmtg.edu.my](http://www.pmtg.edu.my)

e ISBN 978-967-2744-10-8

